

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 10/6/2016

Muka surat: m7

Tajuk : Zaifri Husin kongsi ilmu seni persembahan Meyerhold

# Zaifri Husin kongsi ilmu seni persembahan Meyerhold



**PERGERAKAN MEYERHOLD...** Zaifri Husin (dua dari kanan) menunjukkan teknik pergerakan hasil teori Meyerhold atau juga dikenali sebagai Biomechanics ketika menuntut di Rusia kepada peserta.

NINA NASHRAH ABD JALAL & MOHAMAD SHAHIMAN FIRDAUS MOHD LATIF  
Foto MOHD NOOR ARIFFIN JAAFAR & MOHAMAD ZOHWAN SAPPIAN

**SERAMAI** 60 orang pelajar Program Drama dan Teater, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menyertai seminar dan bengkel anjuran pelajar Tahun 3, Program Drama dan Teater, Jabatan Seni Persembahan dan Teknologi Produksi dianjurkan selama sehari di Auditorium, Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), Unimas.

Seminar diadakan ini merupakan salah satu kursus wajib diambil oleh pelajar Tahun 3 Program Drama dan Teater iaitu GK3154 Seminar Drama dan Teater yang menguji kemampuan pelajar bekerja secara profesional merancang dan penglibatan dalam perbicangan secara intelektual mengenai drama dan teater.

Selaras dengan objektif penganjuran seminar drama dan teater kali ini, Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Cawangan Sarawak, Zaifri Husin diundang bagi berkongsi ilmu seni persembahan dalam drama dan teater melalui pengalaman dan penglibatan beliau dalam produksi teater teater kanak-

kanak serta ilmu Biomechanics Meyerhold yang diperoleh beliau di Russian Federation Theatre Arts Academy of Moscow, Rusia.

Biomechanics adalah satu pendekatan sistem latihan bagi pelakon dicetuskan oleh Vsevolod Emilovich Meyerhold (1874-1940) bertujuan bagi meluaskan potensi emosi dalam teater dan mengekspresikan pemikiran serta idea yang tidak mudah dipersembahkan dalam teater bersifat naturalistic.

Kejayaan Meyerhold dengan biomechanics memainkan peranan besar dalam memperkenalkan latihan fizikal ke dalam kurikulum setiap sekolah drama era Soviet.

"Saya lebih gemar para pelakon bawah arahan saya untuk melakukan beberapa homework terlebih dahulu sebelum melakukan latihan pementasan secara penuh dilakukan kerana mereka harus tahu menggunakan pergerakan yang betul agar dapat memberikan lontaran suara yang mantap," kata Zaifri Husin sewaktu ditanya cara pengarahan beliau.

Menurut Zaifri Husin lagi, dia juga mementingkan *pocket rehearsal* bagi para pelakon yang mempunyai kekangan masa dalam melakukan latihan bersama pelakon lain kerana baginya tiada pengecualian untuk tidak mengikuti latihan malahan *pocket rehearsal* sebagai salah satu cara meningkatkan keyakinan dan mampu memperbaiki kelemahan untuk menjadi pelakon yang terbaik.

Anak jati kelahiran Muar, Johor ini memperoleh Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dalam Perfileman, Televisyen dan Seni Persembahan di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang serta Ijazah Sarjana Pengarahan Teater dari Universiti Middlesex, United Kingdom.

Ketika ditanya mengenai pementasan teater di bumi kenyalang ini, beliau berhasrat untuk mementaskan *Di Mana Setangginya* namun memerlukan komitmen yang tinggi untuk menjayakannya.

Antara pementasan teater hasil pengarahan Zaifri adalah *Di Mana Setangginya* (2009), *Ali Baba* (2010), bangsawan *Chelorong Cheloreng* (2012), *Upin Ipin* (2012), *Warga Rimba* (2012), *Bawang Putih Bawang Merah, Taman Baginda, Belalang Kenit, Sarah, dan Gamat* (2009).

Malah, Zaifri turut berlakon dalam pementasan teater antaranya *Assyura*, *Lantai T. Pinkie*, *Puteri Gunung Ledang*, *Megat Terawis*, *Tiang Seri Tegak Berlima*, *Nyonya, Rubiah* dan *Selendang Umi*.



**ZAIFRI HUSIN...** Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Cawangan Sarawak



**PELAJAR** Tahun 3 Program Drama dan Teater menganjurkan seminar ini merakamkan gambar kenangan bersama Zaifri Husin (duduk kanan).